



KENYATAAN MEDIA

NRES KOMITED TANGANI PENCEMARAN PLASTIK

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menyokong penuh keinginan rakyat Malaysia agar pencemaran plastik dikurangkan di negara kita.

Sebagai Menteri, saya telah mengarahkan agar undang-undang yang mengawal pencemaran plastik disemak semula untuk mengukuhkan langkah-langkah menangani pencemaran plastik. Kerajaan juga mempunyai dasar mengenai plastik sekali guna dan plastik dari bahan mampan—walaupun saya mengakui lebih banyak lagi perkara yang boleh dan harus dilakukan.

Kami juga sedang mengusahakan dasar kebangsaan mengenai pengeluaran, penggunaan dan sisa plastik yang akan selaras dengan Perjanjian Plastik Global (GPT) 2022, yang masih dalam proses rundingan.

Penguatkuasaan GPT akan membawa kepada pengurangan penggunaan plastik yang tidak perlu melalui peralihan yang adil.

Malaysia setakat ini telah mengambil bahagian dalam empat (4) pusingan rundingan antarabangsa mengenai GPT di Jawatankuasa Rundingan Antara Kerajaan untuk Membangunkan Instrumen Antarabangsa Yang Mengikat Secara Sah mengenai Pencemaran Plastik, Termasuk dalam Alam Sekitar Marin (INC).

Untuk memastikan hasil yang terbaik, NRES melalui Jawatankuasa Rundingan Kebangsaan telah mengadakan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan yang merangkumi kementerian dan agensi kerajaan, industri dan NGO. Kami akan terus melibatkan masyarakat sivil secara inklusif dalam merumuskan pendirian kami mengenai GPT.

Oleh itu, NRES berpendapat bahawa tinjauan baru-baru ini oleh Greenpeace International, yang menunjukkan antaranya, 87% daripada 1,000 rakyat Malaysia yang dikaji di seluruh negara menyokong agar pengeluaran plastik dikurangkan untuk memerangi pencemaran, merupakan bukti sokongan usaha kerajaan dalam memastikan masyarakat kita beralih daripada bahan ini.

Hakikat bahawa sokongan di Malaysia lebih tinggi daripada purata global sebanyak 82% menunjukkan bahawa langkah ke arah kelestarian disokong oleh rakyat. Sesungguhnya, ia merupakan prinsip teras agenda Malaysia Madani.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
5 APRIL 2024